



10 JAN, 2023

Pelaburan R&D perlu ditingkatkan melebihi satu peratus KDNK

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Pelaburan R&D perlu ditingkatkan melebihi satu peratus KDNK

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) meminta supaya pelaburan bagi bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Malaysia segera ditingkatkan melebihi satu peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, ekonomi negara mesti dipacu dan dilestarikan dengan inovasi dan teknologi termaju.

Katanya, hanya melalui inovasi dan teknologi termaju, daya upaya Malaysia mampu menjadi sebagai negara *middle power* dapat dijayakan.

"Untuk ekonomi bersumbangkan inovasi dan lestari itu berlaku, pelaburan kita dalam R&D, mesti lebih signifikan."

"Membelanjakan kurang dari 1.0 peratus KDNK negara (pada masa ini) untuk R&D sangat tidak memadai dan ia mesti segera ditingkat dan digandakan."

"Tanpa penggandaan dan peningkatan peruntukan untuk penyelidikan, kebolehsaingan Malaysia akan terjejas dan kebolehsaingan yang terjejas akhirnya adalah ancaman kepada keselamatan dan kesejahteraan Malaysia," katanya kepada

media selepas merasmikan Karnival Penyelidikan Universiti Malaya (UMRC) di sini, semalam.

Selain itu, Mohamed Khaled menyeru supaya penyelidik mengambil peluang yang ditawarkan melalui platform Malaysian Open Science Platform yang diterajui Akademi Sains Malaysia dan Kementerian Sains dan Teknologi agar kerjasama dan kajian penyelidikan berimpak tinggi yang secara langsung menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dapat dilaksanakan.

Menurutnya, program itu juga menjadi platform jaringan kerjasama antara universiti awam dan swasta serta pelbagai agensi yang terabit secara langsung untuk bertukar fikiran dalam memastikan pembangunan penyelidikan dan penyediaan penyelesaian kepada industri tercapai.

"Saya juga dapat melihat bahawa kemungkinan akan adanya kolaborasi antara penyelidik atau kolaborasi antara kumpulan penyelidik merentasi sempadan universiti sama ada dari dalam atau luar negara boleh didakwa hasil daripada penganguran aktiviti sebegini," katanya.



10 JAN, 2023

Pelaburan R&D perlu ditingkatkan melebihi satu peratus KDNK

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) meminta supaya pelaburan bagi bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Malaysia segera ditingkatkan melebihi satu peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, ekonomi negara mesti dipacu dan dilestarikan dengan inovasi dan teknologi termaju. Katanya, hanya melalui inovasi dan teknologi termaju, daya upaya Malaysia mampu menjadi sebagai negara middle power dapat dijaga.